



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

BERBUDI KEPADA TANAH

Siri: 14/2021

19 Syaaban 1442 H

Bersamaan

2 APRIL 2021

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**. Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali RUKUN, AYAT AL-QURAN dan helaian muka surat yang diterima.

Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْعَالِيِّ: هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً لَكُمْ مِنْهُ شَرَابٌ وَمِنْهُ
شَجَرٌ فِيهِ تُسِيمُونَ. وَأَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ
أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، الْمَبْعُوتُ رَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ عَلَى هَذَا النَّبِيِّ الْكَرِيمِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ،
وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فِيَّا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ.

Saudara-saudaraku sidang Jumaat sekalian,

Saya berpesan kepada diri sendiri dan kepada sidang Jumaat sekalian, marilah kita semua bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Sucikanlah diri dari sifat-sifat yang tercela serta hiasilah diri dengan akhlak yang mulia. Mudah-mudahan kita mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Khutbah pada hari ini akan menyentuh tentang tajuk:

“Berbudi Kepada Tanah”.

Begitulah ungkapan pepatah Melayu, kalau kita berbudi pada tanah dengan bercucuk tanam, lambat laun akan nampak juga hasilnya.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Alhamdulillah, bumi Malaysia terletak dalam iklim Khatulistiwa yang sangat sesuai untuk aktiviti pertanian. Secara asasnya, pertanian dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu tanaman, ternakan dan perikanan. Hasil ketiga-tiga bentuk pertanian ini merupakan nikmat kurniaan Allah SWT dan sumber asas keperluan manusia. Firman Allah SWT dalam surah al-Nahl, ayat 14;


وَهُوَ الَّذِي سَخَّرَ الْبَحْرَ لِتَأْكُلُوا مِنْهُ لَحْمًا طَرِيفًا وَتَسْتَخْرِجُوا مِنْهُ حِلَيَّةً
تَلْبَسُونَهَا وَتَرَى الْفَلَكَ مَوَاحِدَ فِيهِ وَلَتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ وَلَعَلَّكُمْ



Yang Bermaksud: "Dan Dia lah yang memudahkan laut, supaya kamu dapat makan daripadanya daging yang lembut hidup-hidup, dan dapat pula mengeluarkan daripadanya benda-benda perhiasan untuk kamu memakainya dan (selain itu) engkau melihat pula kapal-kapal belayar padanya; dan lagi supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurniaNya; dan supaya kamu bersyukur".

Dalam surah al-Nahl ayat 66 pula, Allah SWT menyentuh beberapa manfaat dari hasil-hasil penternakan,

وَإِنَّ لَكُمْ فِي الْأَنْعَمِ لِعِبْرَةٍ نُّسْقِيكُمْ مَمَّا فِي بُطُونِهِ مِنْ بَيْنِ فَرْثٍ وَدَمْرٍ لَبَنًا خَالصًا سَائِعًا



Yang bermaksud: "Dan sesungguhnya pada binatang-binatang ternak itu, kamu beroleh pelajaran yang mendatangkan iktibar. Kami beri minum kepada kamu daripada apa yang terbit dari dalam perutnya, yang lahir dari antara hampas makanan dengan darah; (iaitu) susu yang bersih, yang mudah diminum, lagi sedap rasanya bagi orang-orang yang meminumnya".

Demikian juga tanaman yang tumbuh dari tanah dan sumber air adalah tandatanda kebesaran dan kemurahan Allah SWT yang wajib kita syukuri. Firman Allah SWT dalam surah Yaasin, ayat 33 hingga 35:

وَإِيَّاهُمْ أَرْضُ الْمَيْتَةِ أَحْيَنَهَا وَأَخْرَجَنَا مِنْهَا حَبَابِفِنَهُ يَا كُلُونَ 

وَجَعَلْنَا فِيهَا جَنَّاتٍ مِّنْ نَّخِيلٍ وَأَعْنَبٍ وَفَجَرْنَا فِيهَا مِنَ الْعُيُونِ 

لِيَا كُلُونَ مِنْ شَرِيفٍ وَمَا عَمِلْتُهُ أَيْدِيهِمْ أَفَلَا يَشَكُّرُونَ 

Yang Bermaksud: "Dan dalil yang terang untuk mereka (memahami kekuasaan dan kemurahan kami), ialah bumi yang mati; kami hidupkan dia serta kami keluarkan daripadanya biji-bijian, maka daripada biji-bijian itu mereka makan. Dan kami jadikan di bumi itu kebun-kebun kurma dan anggur, dan kami pancarkan padanya beberapa mata air, Supaya mereka makan dari buah-buahannya dan dari apa yang dikerjakan oleh tangan mereka; maka patutkah mereka tidak bersyukur?"

Jelas berdasarkan ayat-ayat tadi, pertanian adalah suatu bidang yang sangat penting. Bahkan, pertanian adalah besar ganjarannya, kerana hasil tanaman

adalah dikira sebagai sedekah jariah dengan pahala yang berpanjangan kepada penanamnya, sehingga setelah dia meninggal dunia. Sabda Rasulullah SAW:

فَلَا يَغْرِسُ الْمُسْلِمُ غَرْسًا فَيَأْكُلُ مِنْهُ إِنْسَانٌ وَلَا دَابَّةٌ وَلَا طَيرٌ إِلَّا كَانَ لَهُ صَدَقَةٌ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ.

Maksudnya: "Tidaklah seorang muslim menanam tanaman lalu tanaman itu dimakan oleh manusia, binatang ataupun burung melainkan tanaman itu menjadi sedekah baginya sehingga ke hari kiamat."

[Riwayat Imam Muslim]

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Dengan tanah yang subur, sumber air yang banyak dan cuaca yang sesuai untuk pertanian, negara kita sudah tentu berupaya untuk menjadi negara pengeluar pelbagai hasil-hasil pertanian di dunia. Tetapi keadaan adalah sebaliknya, negara ini masih tidak mampu memenuhi keperluan makanan bagi warganya sendiri, malah bergantung kepada negara-negara luar seperti China dan Thailand bagi membekalkannya.

Suasana ini meletakkan kita berhadapan dengan beberapa isu antaranya:

Pertama: Isu jaminan keselamatan bekalan makanan yang mencukupi terutama ketika menghadapi bencana atau musibah.

Kedua: Isu keselamatan penggunaan dan kualiti makanan, kesan daripada penggunaan bahan-bahan terlarang secara tidak terkawal, dan

Ketiga: Isu harga hasil-hasil ternakan dan tanaman seperti sayur-sayuran dan buah-buahan yang tinggi.

Oleh kerana itu, kegiatan pertanian menjadi suatu tuntutan, demi kepentingan awam, iaitu bagi menghasilkan bekalan makanan yang cukup bagi masyarakat dan negara. Bahkan sesetengah ulama' berpendapat bahawa bidang pertanian adalah lebih afdal diusahakan berbanding bidang lain, kerana manfaatnya adalah lebih meluas.

Dahulu, hampir setiap keluarga melayu mempunyai sumber bekalan makanan. Di setiap kampung, terdapat baloh-baloh yang menyimpan bekalan padi, reban-reban ayam serta halaman yang ditanam dengan sayuran, herba dan buah-buahan. Kita sewajarnya mencontohi sikap orang-orang tua kita yang memanfaatkan setiap ruang yang ada untuk bertanam mengikut kemampuan dan kesesuaian kediaman masing-masing. Janganlah kita sia-siakan kurniaan yang ada tanpa dimanfaatkan. Berbudilah pada tanah, insya-Allah, lambat laun akan nampak juga hasilnya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

وَأَن لَّيْسَ لِلنَّاسِ إِلَّا مَا سَعَى ٤٠ وَأَن سَعْيَهُ سَوْفَ يُرَى

ثُمَّ يَبْرُزُنَاهُ الْجَزَاءُ الْأَوَّلُ ٤١

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ،
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،

فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْعَمَنَا بِنِعْمَةِ الإِيمَانِ وَالإِسْلَامِ. وَأَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَاتَّبَاعِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أُوْصِيْكُمْ وَنَفْسِيْ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحْمَكُمُ اللَّهُ،

Marilah kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى الَّذِيْنَ يَتَأْمِيْهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلِمُوا

تَسْلِيْمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا

مُحَمَّدٌ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَيَ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،
إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمَنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِيبٌ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ
مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُذَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ اشْفِ مَرْضَانَا وَارْحِمْ مَوْتَانَا
وَالْطُّفُّ بِنَا فِيمَا نَزَّلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاثِيقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنَ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ
السُّلْطَانِ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِي بِاللَّهِ شَاهِ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورَ زَاهِرَةِ
سُلْطَانَةِ ترْغِيَّانُو.

وَاحْفَظْ أُولَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ،
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَ الْعَهْدِ تَعْكُو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاثِيقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانِ مِيزَانَ زَيْنَ
الْعَابِدِينَ.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَسَلَّمَ.
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!

أُذْكُرُوا اللَّهُ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ،
وَاشْكُرُوهُ عَلَى عُمُومِ نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ،
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

قُوْمُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمُكُمُ اللَّهُ.

